

# GLUMIL 850MG TABLET

Metformin Hidroklorida 850mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Glumil
2. Bagaimana Glumil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Glumil
4. Cara menggunakan Glumil
5. Semasa menggunakan Glumil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Glumil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Glumil

Glumil digunakan untuk merawat penyakit Diabetik Jenis II.

## Bagaimana Glumil berfungsi

Glumil akan mengurangkan penghasilan glukosa hepatic, mengurangkan tahap penyerapan glukosa dan meningkatkan tahap kesensitifan insulin (meningkatkan penyerapan dan penggunaan glukosa periferi).

## Sebelum menggunakan Glumil

### - Bila tidak boleh menggunakan

Glumil tidak boleh diambil oleh pesakit yang mengalami alahan terhadap mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Jangan mengambil Glumil:

- Jika anda menghidapi masalah kekurangan fungsi buah pinggang yang teruk.
- Jika and amenghidapi asidosis laktik [Asid laktik yang berlebihan di dalam darah (Lihat “Risiko Asid Laktik” dibawah)] atau ketoasidosis. Ketoasidosis adalah kondisi di mana bahan yang dikenali sebagai badan keton berkumpul di dalam darah dan boleh menyebabkan pra koma diabetes. Tanda-tanda asidosis mungkin merangkumi sakit perut, pernafasan tidak normal dan mengantuk (Jika teruk).

### - Sebelum menggunakan Glumil

## Risiko asidosis laktik

Glumil mungkin jarang menyebabkan, tetapi kesan sampingan yang serius seperti asidosis laktik akan berlaku jika buah pinggang gagal berfungsi dengan baik. Risiko mempunyai asidosis laktik akan meningkat dengan diabetes yang tidak terkawal, jangkitan yang serius, kadar berpuasa yang panjang atau pengambilan alkohol, dehidrasi, masalah hati and masalah kesihatan yang melibatkan anggota badan kekurangan bekalan oksigen (seperti penyakit jantung yang teruk). Jika anda mempunyai keadaan seperti di atas, sila berjumpa dengan doktor bagi arahan lanjut.

Berhenti mengambil Glumil untuk jangka masa yang singkat jika anda mempunyai kondisi yang berkaitan dengan dehidrasi (kehilangan air dalam badan yang signifikan) seperti muntah-muntah, cirit-birit, demam, terdedah kepada cuaca yang panas atau kurang pengambilan air seperti biasa. Sila berjumpa dengan doktor untuk arahan lanjut.

Berhenti mengambil Glumil dan berjumpa dengan doktor atau segera pergi ke hospital yang terdekat jika anda mengalami tanda-tanda asidosis laktik, kerana kondisi ini akan menyebabkan koma.

Tanda- tanda asidosis laktik seperti :

- Muntah-muntah
- Sakit perut (sakit di bahagian abdomen)
- Kekejangan otot.
- Tidak berasa sihat yang berkaitan dengan keletihan melampau.
- Masalah pernafasan.

Asidosis laktik adalah masalah kesihatan yang serius dan mesti dirawat di hospital.

Semasa rawatan dengan Glumil, doktor akan memeriksa fungsi buah pinggang anda sekurang-kurangnya setahun sekali atau lebih kerap sekiranya anda adalah warga emas atau mempunyai masalah fungsi buah pinggang yang semakin teruk.

Sila beritahu doktor atau pegawai farmasi mengenai masalah kesihatan atau alahan yang dialami oleh anda, sama ada anda sedang mengambil apa-apa ubatan, jika anda mengandung atau sedang menyusukan anak, atau apa-apa fakta penting mengenai tahap kesihatan anda. Factor-faktor ini akan mempengaruhi cara dan harus menggunakan ubatan ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil ubatan lain atau telah mengambil ubatan lain kebelakangan ini sebagai contoh ubatan kortikosteroid, ubatan anti-inflamasi bukan kortikosteroid, ubatan tekanan darah tinggi dari kelas “*angiotensin converting enzyme inhibitors*”, diuretic, beta agonists (contohnya salbutamol, terbutaline), media kontras beriodin atau ubatan lain yang mengandungi alkohol, termasuklah ubatan yang boleh didapatkan tanpa preskripsi doktor.

## Cara menggunakan Glumil

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan yang sesuai biasanya satu tablet, 2 hingga 3 kali sehari mengikut kesesuaian. Dos maksimum yang disarankan ialah 3g sehari untuk orang dewasa.

### - Bila perlu digunakan

Glumil merupakan ubat diabetic yang diambil melalui mulut (biguanide) yang bertujuan untuk rawatan penyakit Diabetik Jenis II.

Menelan tablet tanpa mengunyahkannya semasa atau selepas waktu makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor untuk mengetahui tempoh pengambilan ubatan yang sesuai untuk diri anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas mengambil satu dos Glumil, sila ambil dos anda yang seterusnya mengikut dos yang telah ditetapkan. Jangan gandakan jumlah dos yang diambil.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan dos metformin hidroklorida yang berlebihan pernah berlaku selepas pengambilan ubatan melalui mulut yang melebihi dos sebanyak 50 gram. Hipoglisemia dan asidosis laktik (pembentukan asid dalam darah akibat daripada penyingkiran asid yang tidak cekap dari badan) juga pernah dilaporkan. Metformin hidroklorida disingkirkan melalui proses dialisis, dialisis segera mungkin dapat membantu menyingkirkan ubatan yang terkumpul.

**Semasa menggunakan Glumil**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.  
Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan pengawai farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Glumil.  
Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.  
Berhenti mengambil Glumil jika anda mempunyai tanda-tanda hypersensitiviti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.  
Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.  
Jangan berkongsi Glumil dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.  
Anda hendaklah mengelakkan minum alkohol dan menggunakan ubat yang mengandungi alkohol kerana ini akan meningkatkan risiko asidosis laktik.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

**Memandu dan menggunakan jentera**

Tiada kesan terhadap keupayaan untuk memandu atau mengendalikan mesin.

**Kesan-kesan sampingan**

Gangguan gastrousus seperti loya, muntah, cirit, kesakitan bahagian perut dan kehilangan selera makan mungkin berlaku terutamanya pada tahap awal rawatan. Tanda-tanda ini biasanya terjadi seketika sahaja dan boleh dikurangkan dengan pengambilan ubatan selepas makan. Jika simptom berterusan, berhenti mengambil rawatan dan dapatkan nasihat doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <http://npra.moh.gov.my/> (Public-> Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Glumil**

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan terkena pancaran cahaya matahari.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Glumil berbentuk bulat, dwicembung, tablet disaluti film putih, diukir "850" pada satu belah, dan digaris bahagian tengah pada belah yang satu lagi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Metformin hidroklorida 850mg

- Bahan tidak aktif  
Povidone, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Hypromellose, Polyethylene Glycol 6000, Titanium Dioxide, Talkum

- Nombor MAL

MAL15085008ACZ

**Pengilang**

The United Drug (1996) Co., Ltd.  
208 Romkloa Road, Minburi, Bangkok 10510, Thailand

**Pemegang Pendaftaran Produk**

MILRIN PHARMACEUTICAL CO. (M) SDN. BHD.

125L, 5th Floor, Wisma Getah, Macalister Road, 10400 Penang, Malaysia.

Tel: 04-2286042, Fax: 04-2280757

**Tarikh kemaskini RiMUP**

16/07/2018

MYP001RM(00)